

Meningkat 8.3 peratus pada Mac 2023 mengikut Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal)

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN  
PUTRAJAYA

Median upah bulanan bagi pekerja formal warganegara yang dicatatkan pada Mac 2023 ialah RM2,600 meningkat 8.3 peratus berbanding RM2,400 bagi tempoh sama tahun lepas, menurut Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Pertama 2023.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, laporan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan (DOSM) itu menunjukkan bilangan pekerja formal yang dicatatkan pada Mac 2023 seramai 6.45 juta orang.

"Pekerja formal lelaki merangkumi 55.5 peratus atau seramai 3.58 juta orang daripada keseluruhan pekerja formal warganegara dengan median upah RM2,664 sebulan.

"Pekerja formal perempuan pula membentuk 44.5 peratus atau 2.87 juta dengan median upah bulanan RM2,545," katanya dalam sidang akh-



# Median upah bulanan pekerja formal RM2,600

FOTO: ROSLI TALIB



Rafizi (tengah) bersama Mohd Uzir (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron melancarkan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Pertama 2023 pada Jumaat.

bar selepas pelancaran laporan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli pada Jumaat.

Pekerja formal merujuk kepada individu yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau latihan perantisan bermajikan serta menerima ganjaran untuk kerja yang diselesaikan.

Mohd Uzir berkata, laporan itu berdasarkan data daripada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)

dan tidak mengambil kira sebahagian besar gaji sektor awam.

Beliau berkata, kaum Cina memperoleh median upah bulanan tertinggi pada Mac 2023 sebanyak RM4,000, diikuti India (RM2,500), bumiputera (RM2,200) dan lain-lain etnik RM2,000.

Upah mengikut kumpulan umur pula, median upah bulanan tertinggi pada Mac 2023 direkodkan oleh pekerja formal berumur 45 hingga 49 tahun dan 40 hingga 44 tahun masing-masing RM3,500.

## Upah pekerja suku pertama sektor formal oleh DOSM

1. Kaum Cina mendahului median upah bulanan tertinggi iaitu RM4,000, India RM2,500, bumiputera RM2,200 dan lain-lain etnik RM2,000.
2. Pekerja formal lelaki menerima median upah bulanan RM2,664 berbanding pekerja perempuan RM2,545.
3. Pekerja berumur 40 hingga 49 tahun merupakan kumpulan yang mendapat upah tertinggi iaitu RM3,500 sebulan.
4. Pekerja di sektor perlombongan dan pengkuarian menerima median upah bulanan pada Mac 2023 tertinggi, RM7,500; manakala sektor pertanian terendah dengan median upah bulanan RM1,900.
5. Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang mencatatkan median upah tertinggi.
6. Kelantan, Perlis dan Sabah merekodkan median upah terendah.
7. Bilangan pekerja formal mencatatkan 6.45 juta orang.
8. Median upah meningkat tahun ke tahun kepada RM2,600.
9. 10.2 peratus pekerja berada di bawah paras gaji minimum RM1,500.